

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9 772811 380008

BULETIN ICAN UiTM NEGERI SEMBILAN
BULETIN RASMI, BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN
INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A), UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (UiTMCNS)
EDISI NOVEMBER 2022

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan
Pekan Parit Tinggi, 72000
Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Tel : 606-4832100
Faks : 606-4832449

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

PENAFIAN: Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

@2022 Hakcipta PJIM&A UiTMCNS
@2022 Reka Bentuk PJIM&A UiTMCNS
Hakcipta Terpelihara

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A), UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (UiTMCNS)

eISSN : 2811-3802
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan sekali setahun
@2022 Hakcipta Terpelihara

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
PROF. DR YAMIN YASIN

PENASIHAT
DR. SITI SARA IBRAHIM

KETUA EDITOR
ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF

KETUA JAWATANKUASA EDITOR
NIK MAHFUZAH NIK MAT

JAWATANKUASA EDITOR
DR. ZHRIL SHAHIDA AHMAD
AHMAD HUSAINI MOHAMED
DR. ASIAH ABDULLAH
AMIRAH HJ. ABU HASSAN

KETUA GRAFIK & SUSUN ATUR
FATIN ALIYAH HASSAN

JAWATANKUASA GRAFIK & SUSUN ATUR
MOHD FAISAL MD. NOOR
NADYA HAJAR
SITI NUR FADZILAH ABDULLAH

PRAKATA REKTOR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kepada Tuhan Pencipta Alam kerana dengan izin-Nya Unit ICAN, PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) akhirnya dapat menghasilkan sebuah dokumen berinformasi dalam bentuk buletin.

Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada sidang redaksi yang terlibat dalam menerbitkan BULETIN ICAN ini secara berkala. Penerbitan Buletin ini dapat memberi publisiti terhadap semua aktiviti yang melibatkan warga UiTMCNS. Pada masa yang sama dapat menyerlahkan lagi idea, pencapaian, kreativiti, dedikasi dan kerjasama yang sangat baik bersama industri, komuniti dan alumni.

Diharapkan Buletin ini, dapat menjadi platform untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran kepada warga UiTMCNS dan komuniti luar. Semoga usaha murni ini juga, menjadi salah satu wadah bernilai dan meningkatkan imej UiTMCNS dalam memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

PROF. DR YAMIN YASIN
REKTOR
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KATA ALU-ALUAN TIMBALAN REKTOR

PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)

Assalamualaikum w.b.t

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan edisi ke-2 berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi di bawah Unit ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan diatas komitmen dalam penerbitan tahun 2022 ini. Seperti semua maklum, ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah banyak membantu Universiti dalam memenuhi sasaran KPI kampus melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan samada secara fizikal mahupun "online" bersama pihak industri, masyarakat dan alumni. Ianya juga menyokong kepada objektif ICAN sendiri dalam membina hubungan yang baik bersama pihak berkepentingan untuk manfaat seluruh warga Universiti mahupun masyarakat setempat.

Oleh yang demikian, penerbitan Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan dilihat sebagai usaha yang baik dalam strategi visibiliti kampus, mahupun Universiti kearah GRU 2025 melalui hebahan aktiviti-aktiviti bersama warga, masyarakat, industri dan alumni sepanjang tahun 2022 ini. Karya yang dicoretkan didalam buletin ini juga mampu memberikan nilai tambah kepada pembaca-pembacanya melalui garapan daripada warga pendidik, pelajar dan juga alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan sendiri. Semoga dengan penerbitan buletin ini juga dapat menyumbang kepada idea-idea dan juga semangat dalam menyemarakkan lagi aktiviti-aktiviti warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama-sama pihak industri, masyarakat dan juga alumni.

Sekali lagi Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Koordinator Unit ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Puan Asmahanim Haji Mohamad Yusuf serta ahli jawatankuasa dan sidang redaksi Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan atas kejayaan menerbitkan buletin ICAN bagi tahun 2022. Semoga usaha murni ini dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

DR. SITI SARA IBRAHIM

TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI,
MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)



DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum w.b.t ,

Alhamdulillah dengan izin-Nya, dapat sekali lagi kita saksikan sebuah penerbitan yang menjadi kebanggaan warga Unit ICAN UiTM CNS iaitu Buletin ICAN UiTM CNS. Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberikan kepada Team Sidang Redaksi 2022 atas berkat usaha dan perkhidmatan yang tidak mengenal erti jemu dan penat dalam menyiapkan wadah yang cukup bermakna bagi seluruh warga UiTM CNS. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada penulis-penulis yang bertungkus lumus menyiapkan penulisan yang berkualiti untuk diterbitkan di dalam Buletin ICAN UiTM CNS tahun 2022 ini. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Siti Sara Ibrahim, Timbalan Rektor, Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas sokongan dan bantuan yang telah diberikan.

Buletin ICAN UiTM CNS ini turut menjadi medium bagi warga UiTM CNS berkongsi segala pelaporan aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni bagi tahun 2022 untuk dijadikan kenang-kenangan. Penghasilan Buletin ICAN UiTM CNS 2022 ini bukan sahaja merekod pelaporan aktiviti sepanjang 2022 bahkan merakamkan kecemerlangan UiTM CNS dalam pelbagai sudut.

Sebagai ketua editor Buletin ICAN UiTM CNS, saya mewakili Team Sidang Redaksi 2022 ingin memohon maaf jika terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penghasilan Buletin ini. Sesungguhnya, kami telah memerah kudrat agar Buletin ICAN UiTM CNS 2022 akan tetap tersemat di hati warga UiTM CNS. Semoga dengan penghasilan majalah ini, semua kenangan dan memori sepanjang pelaksanaan aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni bersama UiTM CNS dapat di potretkan untuk tatapan masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

"ICAN: MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI"

KETUA PENGARANG
ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF



ISI KANDUNGAN

Pengenalan Unit ICAN UiTM CNS

i

LAWATAN KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

1-2

SUHAILA SHARIL & ROHAIDA AWANG NIK

MAHASISWA UITM NEGERI SEMBILAN SUMBANG TENAGA BANTU MANGSA BANJIR

3

MOHD ZULHILMI BIN MOHD YUNUS

PROGRAM KASIH RAMADHAN FSKM 2022

4-5

JAMILAH OTHMAN, ROSNANI ABDULLAH, NURALINA AZLAN

LAWATAN KHIDMAT MASYARAKAT DAN PERUNDINGAN KE MADRASAH AZ ZAKIRIN, CHENGKAU, REMBAU, NEGERI SEMBILAN

6-7

AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI, NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN, NORHIDAYU BINTI MD YATIM, SITI KHAIRIYAH BINTI NOORDIN

CSR RAMADHAN PPKAS PRIHATIN – MASYARAKAT DISANTUNI

8-9

MAZNI MUSA, AHMAD HUSAINI MOHAMED, SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD. GHAZALI, JAMIL MOHAMED SAPARI, NUR RAHIMAH SAID

JABATAN FIZIK & SAINS BAHAN SANTUNI KOMUNITI KAMPUNG SERI PILAH

10-11

SITI NAFISAH MD RASHID DAN ALLINA NADZRI

PROGRAM PERKAMPUNGAN ILMU SMK SENAWANG

12-14

RODHIAH BINTI AMZAH, NIK MAHFUZH BINTI NIK MAT, SITI NUR AISYAH BINTI JUHARI & NUR FARAHIN NADIA BINTI ASNOR

ART & CRAFT FOR KIDS BERSAMA MURID SEKOLAH KEBANGSAAN PILIN

15-16

SUTINA JUNOS & AHMAD SOUFIEAN OTHMAN

'COLLEGE SWEET COLLEGE' PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN KECERIAAN KOLEJ UITM KAMPUS REMBAU

17

SUTINA JUNOS, AHMAD SOUFIEAN OTHMAN, MASITAH AHMAD, NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI & SITI' AISHATUL-HUMAIRAH MUHAMMAD FISOL

PROGRAM WE CARE WE SHARE

18-19

ALIA NADIRA ROSLE

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT – TAUTAN KASIH UITM DAN KOMUNITI

20-21

AHMAD HUSAINI MOHAMED, MAZNI MUSA, SITI SYAIDA SIRAT, JAMIL MOHAMED SAPARI

LARIAN MAYA 5KM BERSEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS MASSCOMM UITM

22

FARAH HAZWEEN AMANAH, NURLIYANA KAMILAH KHAIRUL ANUAR, MUHAMMAD AZRIL IZUAN RAMLAN

TEKNIK BACAAN PANTAS DAN PERKONGSIAN ALUMNI

23-24

FADDLIZA MOHD ZAKI, JASHIRA JAMIN, NURHIDAYAH NASHARUDIN, AHMAD AZMAN MOHAMAD RAMLI, SERI INTAN IDAYU SHAHRUL ASARI

ISI KANDUNGAN


A NATIONAL E-SPORT DAY OF UITM 2022 NUR LINA ABDULLAH, ZATI AQMAR ZAHARUDIN, NOR AISHAH MD NOH, ABDULLAH YAHYA DAN SITI AISHAH MOHD SHAFIE	25-27
ALUMNI HOMECOMING HI-TEA 2022 ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF, SITI NUR FADZILAH ABDULLAH & NOR ASHIKIN SAHROM	28-29
ALUMNI TALK SHOW: KERJAYA & KENANGAN NUR LINA ABDULLAH, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF, ASIAH ABDULLAH DAN NURUL AINI ABDUL WAHAB	30-32
WEBINAR 'HERO TO CEO' FADDLIZA MOHD ZAKI, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF, DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA, AMIRAH HAJI ABU HASSAN, MOHD FAISAL MD. NOOR	33-34
WEBINAR TAKLIMAT MY STARFISH FOUNDATION ZAHIRIL SHAHIDA AHMAD & AMIRAH HAJI ABU HASSAN	35-36
KERJASAMA AKADEMIK DAN INDUSTRI PERUSAHAAN MI KUNING NURUUL HIDAYAH MANSOR, NURUL AZLIN TOKIMAN, NADYA HAJAR, BOON YIH TIEN DAN NAEMAA MOHAMAD	37
SEMINAR ERMS DGFLO MOHD FAIZAL BIN MOHD RAMSI & SITI KHAIRIYAH NORDIN	38-39
JARINGAN ANTARABANGSA SECARA MAYA UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA KE ARAH MELAHIRKAN GRADUAN YANG DINAMIK ASIAH ABDULLAH, NOR AKMALAZURA JANI, WAN ELINA FARADILLA WAN KHALID, MAZNI MUSA	40-41
SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFEKTIF NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI, SYAZLIANA KASIM, SUTINA JUNOS	42-44
INFOGRAFIK SEMUA AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH KELAB COMPUTING SOCIETY 21/22 (COMSOC) ROSNANI BINTI ABDULLAH, ABDUL QADIR BIN ABDUL ARIFF, NUR AMIRA AQASYAH BINTI ROSMIZAN DAN NUR HAZIRAH BINTI MOHD ESA	45-46
PROGRAM "YOUR CAREER PATH BEGINS HERE!" MEMACU KEBOLEHPASARAN GRADUAN SITI AISHAH MOHD SHAFIE, NOOREZATTY MOHD YUSOP, NURALINA AZLAN, NOR AKMAL MD NOH	47-48
MAKLUMAN AWAL VSSPT 3.0 SESI 2022/2023 DR WAN ZUMUSNI HJ WAN MUSTAPHA, DR TINY AZLEEN YAHAYA DAN DATIN DR ROMAIZAH ABDUL KADIR	49-51
PROGRAM "PREPARING YOUR BATTLE: GUIDE ON INTERVIEW" MELAHIRKAN GRADUAN PILIHAN MAJIKAN JAIDA NAJIAH JAMIDIN, NOOR AISYAH IDRIS, SITI SARAH JANURI, ZAITUL ANNA MELISA MD YASIN, SITI AISHAH MOHD SHAFIE	52-54

Pengenalan Unit ICAN UiTMCNS

ICAN (Industry, Community, Alumni Network) merupakan salah sebuah unit yang beroperasi di bawah Bahagian Penyelidikan, Masyarakat, Jaringan Industri & Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS). Unit ini diketuai oleh seorang koordinator yang dibantu oleh tiga (3) orang penyelaras bagi menjalankan fungsi-fungsi unit ICAN di kampus Kuala Pilah, kampus Seremban dan kampus Rembau.

Unit ICAN bertanggung jawab menghubungkan jaringan, usahasama serta perkongsian antara pihak UiTMCNS bersama pihak berkepentingan luar yang melibatkan Industri, Komuniti dan Alumni. Bagi melancarkan gerak kerja tersebut, empat (4) bahagian utama telah diwujudkan di dalam unit ini iaitu Community Network Centre (CNC) Industry Network Centre (INC), Alumni Network Centre (ANC) dan Graduate Employability (GE).

CARTA ORGANISASI ICAN UITMCNS 2022



ALUMNI HOMECOMING HI-TEA 2022

ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF, SITI NUR FADZILAH ABDULLAH
& NOR ASHIKIN SAHROM



Poster Hebahan

Pada 16 September 2022, Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) UiTM Negeri Sembilan telah mengadakan satu program iaitu Alumni Homecoming Hi-Tea 2022.

Program Alumni Homecoming Hi-Tea ini adalah program yang julung kalinya diadakan di UiTMCNS. Program yang melibatkan alumni dari UiTMCNS ini bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya.

Program tersebut bermula dari pukul 3.00 petang dan tamat pada pukul 6.30 petang. Program Alumni Homecoming Hi-Tea 2022 telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Profesor Dr. Mohamad Hariri Abdullah yang turut hadir bagi memeriahkan majlis Hi-Tea tersebut.

Majlis Hi-Tea ini diadakan bertujuan untuk menarik para alumni dan warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan untuk berkumpul bagi mengeratkan lagi ukhuwah dan perancangan strategik di antara alumni pada masa akan datang. Objektif bagi program ini adalah:

- Mewujudkan ukhuwah yang erat di kalangan alumni, pensyarah dan persatuan alumni khususnya.
- Mewujudkan ruang perbincangan terbuka di antara alumni dan para pensyarah.
- Membina hubungan strategik dan mengemas kini maklumat bersama alumni UiTM

Para alumni yang hadir ke majlis Hi-Tea tersebut terdiri daripada bekas-bekas pelajar dari ketiga-tiga kampus UiTMCNS iaitu Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan juga Kampus Rembau. Jumlah keseluruhan tetamu yang hadir pada majlis tersebut adalah 70 orang.





Salah satu aktiviti yang diadakan iaitu Permainan Musang Berjanggut di mana para peserta perlu mengasingkan bahan-bahan yang telah dicampur.



Gambar kenangan para peserta yang memenangi hadiah cabutan bertuah yang telah disampaikan oleh YBhg. TNC ICAN

Majlis Alumni Homecoming Hi-Tea 2022 tersebut adalah bertemakan “Mat Kilau”. Para tetamu yang hadir mengenakan busana tradisional melayu klasik. Acara dimulakan dengan ucapan aluan Rektor UiTM CNS, Profesor Dr. Yamin Yasin diikuti dengan ucapan perasmian oleh TNC ICAN, Profesor Dr. Mohamad Hariri Abdullah. Majlis turut menjemput 2 orang alumni jemputan khas bagi berkongsi tentang kejayaan mereka kepada para tetamu yang hadir iaitu Pn Nur Syafiqah Sarwani dan Cik Dayana Batrisya Shamshol Kedua-dua alumni ini adalah usahawan berjaya.

Antara acara diadakan sepanjang majlis tersebut adalah cabutan bertuah, persembahan dari The Tazkers, pertandingan busana lelaki dan perempuan terbaik, dan juga permainan tradisional iaitu Musang Berjanggut.

Majlis turut mendapat sumbangan daripada rakan-rakan strategik UiTM CNS seperti AirAsia Academy, Mak Siti dan The Brueder Trailer. Hebahan dan jemputan mengenai program ini telah diadakan sejak Julai 2022, kira-kira dua bulan sebelum program diadakan. melalui emel, media sosial seperti Facebook PJIM&A UiTM CNS, Whatsapp & Telegram.

Diharapkan Program seperti ini dapat diadakan secara tahunan bagi menjalinkan hubungan yang baik antara UiTM dan Alumni.

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI,
MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A),
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

Hakcipta@2022 PJIM&A UiTMCNS